

21/08/1997

Tegas Bistari, Kelstone keluarkan marmar

Mohd Shah Abdullah

KELANTAN akan menjadi pengeluar terpenting marmar apabila sebuah syarikat milik penuh Bumiputera, Tegas Bistari Sdn Bhd (Tegas Bistari) mengadakan usaha sama dengan Kelstone Sdn Bhd (Kelstone) bagi mengeluarkan bahan itu di Gua Musang.

Tegas Bistari yang memegang 70 peratus ekuiti, manakala Kelstone sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), memegang 30 peratus lagi ekuiti berkenaan.

Pengerusi Eksekutif Tegas Bistari, Syed Mokhtar Syed Yassin, berkata syarikat terbabit dan Kelstone akan mengusahakan kawasan seluas 59.2 hektar meliputi lokasi di Ladang Sungai Terah membawa ke sempadan Jeli-Dabong.

Menurutnya, projek bagi mengeluarkan marmar berkenaan akan dibahagikan kepada lima fasa. Bagi fasa pertama, Tegas Bistari menyuntik modal permulaan kira-kira RM3 juta.

"Marmar di kawasan ini boleh bertahan sehingga 200 tahun dan mempunyai kualiti cukup tinggi, malah ia mengatasi kualiti marmar yang dikeluarkan di Lembah Kinta, Perak; Pulaui, Johor dan Langkawi di Kedah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara Kelstone Sdn Bhd dan Tegas Bistari Sdn Bhd, di sebuah hotel di Kota Bharu, malam semalam.

Pada majlis memeterai MoU itu Kelstone diwakili Pengerusinya, Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan, manakala Syed Mokhtar mewakili Tegas Bistari.

Hadir sama Ketua Eksekutif PKINK, Wan Zulkefli Wan Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif Kelstone, Azhar Jalil.

Syed Mokhtar berkata, apabila mengeluarkan hasil, marmar berkenaan mampu menampung kegunaan pasaran domestik dan antarabangsa, termasuk bagi pasaran Amerika Utara dan Timur Tengah.

Keseluruhan projek berkenaan akan dikendalikan oleh anak tempatan sendiri.

Ditanya mengenai halangan dalam pelaksanaan projek itu, beliau mengakui masalah seperti logistik, kemudahan prasarana, bekalan air dan rangkaian pemasaran antara yang terpaksa dihadapi dalam tempoh terdekat ini.

"Kawasan operasi itu juga belum diketahui umum," katanya.

Sementara itu, Abdul Halim dalam ucapannya berkata, prospek industri marmar tempatan amat cerah dan ia turut menyumbang kepada hasil pendapatan kerajaan negeri.

Menurutnya, pengeluaran marmar tempatan itu juga sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu produk tempatan digunakan dalam menjalankan sesuatu projek seperti dalam pembinaan menara berkembar Petronas di Kuala Lumpur sebelum ini.

Di majlis itu Syed Azhar menyumbang RM10,000 bagi projek Tabung Serambi Makkah.

(END)